



4th Issue **VOLUME 2 : NOVEMBER 2025**

UiTM MUKAH BULLETIN

Inou Dengah UiTM Mukah?

4th Issue | Volume 2 | November 2025



TABLE OF CONTENT

- 01** From Rector's Desk
- 02** From Assistant Rector's Desk
- 03** Chief Editor's Note
- 04** Editorial Board
- 05** Highlights
- 10** News and Articles
- 43** Congratulations!
- 72** Thank You
- 73** Press and Media Coverage



EDITORIAL BOARD

Professor Dr. Firdaus Abdullah
Patron

Dr. Abdul Jabbar Abdullah
Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi
Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**
Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph
Ms. Cindy Robert
Ms. Fakhira Jafri
Ms. Shirley Clare Jeri
Mrs. Nur Nadia Qausar Juhari

Mr. Shileyiusken Mijen
Webmaster

Mrs. Irene Seluroh
Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat
Photographer

Ms. Nuranissa Mercy Punai
Internship Trainee

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 4 November 2025

PRESS & MEDIA COVERAGE

PROPUB Perkasa Usahawan Muda Di Mukah

Disiarkan pada 18 Jul 2025

Sumber Berita: ukas



MUKAH: Program Pemerkasaan Usahawan Berjaya (PROPUB) hasil kerjasama strategik antara Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak Kampus Mukah dan Politeknik Mukah telah menyediakan platform kepada usahawan tempatan berinteraksi dengan agensi-agensi berkaitan, selain mendapatkan maklumat serta sokongan bagi memajukan perniagaan mereka.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tellian, Royston Valentine berkata, PROPUB memberi tumpuan kepada dua kumpulan utama iaitu usahawan tempatan dan individu berpotensi menjadi usahawan dengan pendekatan inklusif dan berimpak tinggi.

"Pendekatan ini selaras dengan agenda kerajaan untuk memperkasakan golongan rentan dan belia, serta membuka ruang kepada mereka yang ingin bangkit dan membina kehidupan baru menerusi keusahawanan," ujar beliau semasa berucap dalam majlis perasmian prgram berkenaan pada Jumaat.

Tambahnya lagi, kejayaan dalam bidang ini tidak hanya bergantung kepada ilmu dan kemahiran, malah turut memerlukan nilai, etika, integriti serta kecekapan dalam membuat keputusan demi kelangsungan perniagaan.

Sesi townhall selama 90 minit yang dikendalikan oleh Dr Muhammad Shahimi Ariffin dari Fakulti Sains Komputer dan Matematik UiTM Mukah, berjaya menarik minat 60 usahawan muda di mana mereka diberi pendedahan melalui perkongsian pengalaman dua ikon keusahawanan tempatan iaitu Harish Abdullah dari Ajakcut Barbershop dan Leong Bon Huat, aktivis komuniti yang juga usahawan berjaya.

Turut hadir Pengarah Politeknik Mukah Sarawak Suhaili Salleh dan Penolong Rektor UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah Dr Abdul Jabbar Abdullah.

-EDISI UKAS

UKAS. 18 Julai 2025

https://premierdept.sarawak.gov.my/web/subpage/news_view/21485/UKAS

PRESS & MEDIA COVERAGE



Afidah Musa dan Noor Fhadzilah Affini ditemui selepas sesi transfer ilmu sempena PROPUB di Mukah hari ini. Foto TVS.

PRO PUB platform usahawan Mukah perluas potensi perniagaan

By TVS #Bm, Berita Sarawak July 18, 2025 5:19 PM

MUKAH, 18 Julai: Program Pemerikasaan Usahawan Berjaya (PRO PUB) membuka ruang kepada usahawan tempatan untuk meningkatkan kemahiran dan meluaskan potensi perniagaan masing-masing ke peringkat yang lebih tinggi.

Program yang berlangsung selama tiga hari bermula hari ini itu disambut positif oleh para peserta, termasuk mereka yang telah lama berkecimpung dalam dunia perniagaan, namun masih dahagakan ilmu khususnya dalam aspek pengurusan dan kewangan.

Afidah Musa, 39, seorang pengusaha biskut dan kek berkata, beliau menyertai program itu untuk meningkatkan pengetahuan dari segi pengurusan dan kewangan serta berhasrat mengembangkan produknya ke luar Mukah dengan sasaran menembusi pasaran di Semenanjung Malaysia.

"Walaupun saya dah lebih lima tahun berniaga, saya masih belum mahir dalam aspek pengurusan dan kewangan. Jadi program macam ni sangat penting untuk saya tambah ilmu," katanya ketika ditemui pada hari pertama program di sini.

Beliau yang menyertai program itu atas galakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Talian, Royston Valentine, serta pensyarah-pensyarah dari UiTM Mukah turut menekankan pentingnya pendidikan dan pendedahan kepada ilmu keusahawanan yang lebih tersusun.

"Ela supaya usahawan kecil tidak hanya bergantung kepada pengalaman semata-mata," tambahnya.

Sementara itu, Noor Fhadzilah Affini, 36, seorang peniaga buah-buahan, turut berkongsi hasratnya untuk memperkembangkan perniagaannya ke tahap yang lebih tinggi selepas menyertai program ini.

"Setiap kursus tak sama, setiap tenaga pengajar juga berbeza. Jadi kita kena sentiasa kemas kini ilmu. Saya nak terapkan apa yang saya pelajari dalam bisnes saya supaya boleh berkembang dan maju," ujarnya.

Beliau yang mengetahui tentang program tersebut melalui jemputan rakan-rakan dan ADUN kawasan, juga menyatakan harapan untuk membuka lebih banyak cawangan.

"Kalau boleh, saya nak buka lebih banyak cawangan dan beri peluang pekerjaan kepada orang tempatan juga sekaligus mengembangkan perniagaan. Itu antara impian saya selepas program ini," tambahnya.

Program PROPUB anjuran bersama Politeknik Mukah dan UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah dan Pusat Khidmat DUN Talian dijadualkan berlangsung dari 18 hingga 20 Julai ini, dengan penyertaan seramai 60 peserta daripada usahawan tempatan. – TVS

TVS. 18 Julai 2025

<https://www.tvsarawak.my/2025/07/18/propub-platform-usahawan-mukah-perluas-potensi-perniagaan/>

PRESS & MEDIA COVERAGE



Hushairi Japarudin dan Petrus Emmanuel Tran Pulusagi Artika diberikan pembanta. Foto TVS

PROPUB buka peluang usahawan rancang perniagaan

by TVS #Bm, Berita Sarawak July 21, 2025 8:26 AM

MUKAH, 21 Julai: Program Pemerkasaan Usahawan Berjaya (PROPUB) yang melabuhkan tirainya semalam disambut positif oleh peserta sekali gus menjadi pemangkin semangat untuk memperkukuh dan mengembangkan perniagaan secara lebih terancang serta berdaya saing.

Sepanjang tiga hari berlangsung, program anjuran Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak Kampus Mukah dengan kerjasama Politeknik Mukah (PMU) dan disokong Pusat Khidmat DUN Talian berjaya membuka ruang kepada peserta untuk meningkatkan kemahiran serta menimba ilmu berkaitan pengurusan dan strategi perniagaan moden.

Bagi Hushairi Japarudin, 40, seorang usahawan perkhidmatan penyaman udara, PROPUB menjadi titik permulaan untuk menyusun semula hala tuju perniagaannya.

"Program ini banyak beri ilmu tentang pengurusan akaun, cara buka syarikat, dapatkan lesen dan urus aliran tunai. Dulu, apa yang dapat, terus belanja. Tiada simpanan langsung. Sekarang saya lebih faham kepentingan merancang kewangan," katanya ketika ditemui selepas majlis penutupan pada Ahad.

Tambahnya, segala ilmu yang diperoleh akan dimanfaatkan sepenuhnya bagi memajukan perniagaan terutama bagi usahawan muda tempatan sepertinya.

Sementara itu, Petrus Emmanuel Tran Pulusagi, 46, yang mengusahakan penternakan ulat sagu turut menyifatkan PROPUB sebagai peluang terbaik membina asas perniagaan yang kukuh.

"Dulu saya jalankan perniagaan ikut suka. Tapi selepas tiga hari bersama PROPUB, saya belajar banyak tentang cara urus akaun dan rancang operasi. Sekarang saya tahu ke mana hala tuju bisnes saya," ujarnya.

Petrus juga berkongsi perancangannya untuk meluaskan penternakan ulat sagu ke tahap lebih besar, hasil idea-idea baharu yang diperoleh sepanjang program.

"Program seperti ini sangat praktikal, bukan sekadar teori. Ia patut dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat terutamanya usahawan kecil dan sederhana," jelasnya.

Program selama tiga hari bermula 18 hingga 20 Julai itu disertai seramai 60 peserta dari pelbagai latar belakang perniagaan di sekitar Mukah.-TVS

TVS. 21 Julai 2025

<https://www.tvsarawak.my/2025/07/21/propub-buka-peluang-usahawan-rancang-perniagaan/>

PRESS & MEDIA COVERAGE

Royston Sokong Penuh Program UiTM Mukah Jelajah Aspirasi Ilmu

Posted on 22 Aug 2025

Source of News: UKAS



MUKAH: Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tellian, Royston Valentine menyatakan sokongan padu terhadap Program Jelajah Aspirasi Ilmu anjuran Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak Kampus Mukah yang berlangsung di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) St Patrick, pada Rabu.

Program yang bermula pada Isnin lalu di SMK Three Rivers Mukah ini merupakan hasil kerjasama antara UiTM Mukah, Biro Pendidikan Mukah, dan Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) Tellian yang kini diteruskan di SMK St Patrick dan akan menutup tirainya di SMK Mukah.

Dengan tema 'Say It Right: Public Speaking for Future Leaders' dan 'MATHgic Calculator Mode: ON', program ini memberi penekanan kepada peningkatan kemahiran komunikasi dan penguasaan ilmu matematik dalam kalangan pelajar dengan bimbingan pensyarah berpengalaman daripada UiTM Mukah sendiri.

Royston dalam lawatannya menyatakan penghargaan terhadap usaha murni UiTM Mukah dan menyifatkannya sebagai satu inisiatif berimpak tinggi dalam memperkasa potensi pendidikan di daerah Mukah.

Tambah beliau, kerjasama erat antara institusi pendidikan dan komuniti setempat merupakan elemen penting dalam melahirkan generasi muda yang berilmu, berketerampilan, dan bersedia menghadapi cabaran masa depan. -EDISI UKAS

UKAS. 22 Ogos 2025

https://premierdept.sarawak.gov.my/web/subpage/news_view/23509/UKAS

Suara Sarawak. 30 April 2025

PRESS & MEDIA COVERAGE



Program Jelajah Aspirasi Ilmu UiTM Mukah dapat sambutan menggalakkan

SS Admin Ogos 22, 2025 SARAWAK 2:04 pm

MUKAH: Program Jerayawara Universiti Teknologi MARA (UiTM) Mukah, Jelajah Aspirasi Ilmu mendapat sambutan menggalakkan daripada pelajar sekolah menengah di sekitar Mukah.

Antara yang terlibat ialah mereka yang bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Mukah, SMK ST. Patrick dan SMK Three Rivers.

Program tersebut merangkumi dua pengisian utama iaitu 'Say It Right: Public Speaking for Future Leaders' dan 'MATHgic Calculator Mode: ON'.

Menurut ADUN Talian Royston Valentine, kesemua program ini dilaksanakan oleh UiTM Mukah dengan kerjasama Biro Pendidikan Mukah dan Pusat Khidmat Talian.

"Kerjasama erat dalam menganjurkan program seperti ini sangat penting terutamanya dalam pelaksanaan pelbagai program pemerkasaan pendidikan di Mukah khususnya."

"Diharapkan kerjasama ini dapat diteruskan untuk program-program yang lain demi manfaat pelajar di kawasan Mukah," katanya.

Sehubungan itu, Royston turut berkongsi bahawa beliau telah menaja penuh program tersebut.

Terdahulu, program ini merupakan inisiatif sokongan kepada pelaksanaan 'UiTM Mukah Educulture Festival 2026' dan digerakkan atas prinsip keterlibatan komuniti, pemerkasaan pelajar dan promosi keterlihatan institusi kepada masyarakat setempat.

Melalui beberapa siri bengkel khusus, pelajar didedahkan dengan kemahiran berimpak tinggi dalam suasana interaktif dan merangsang minat pembelajaran.

Dengan adanya program jerayawara ini, ia juga bertujuan memberikan pendedahan awal dunia pengajian tinggi dan peranan UiTM sebagai institusi pendidikan unggul yang prihatin terhadap pembangunan akar umbi.

SUARA SARAWAK. 22 Ogos 2025
<https://suarasarawak.my/program-jelajah-aspirasi-ilmu-uitm-mukah-dapat-sambutan-menggalakkan/>



Telephone/Fax
084-876100/084-876300



Email Address
korporat_swk@uitm.edu.my



Website
<https://sarawak.uitm.edu.my/>



Address
**Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Sarawak Kampus Mukah,
KM 7.5 Jalan Oya,
96400 Mukah, Sarawak.**

eISSN 2976-257X



9 7 7 2 9 7 6 2 5 7 0 0 9